

MEMO

PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN JARINGAN KOMUNITI (PPJK)

**PERKARA : PINJAMAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)
SEMESTER OGOS 2025**

**DARIPADA : UNIT TAJAAN PENDIDIKAN (UTP), BAHAGIAN PEMBANGUNAN PELAJAR
DAN JARINGAN KOMUNITI (HEP)**

KEPADА : SISWA/SISWI UNIVERSITI SELANGOR

RUJUKAN : UNISEL/HEP2025/303D-SA/PTPTN (06) TARIKH : 9 SEPTEMBER, 2025

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

TAHNIAH! Para pelajar yang telah menerima maklum balas tawaran permohonan pinjaman PTPTN kelulusan **kelompok 1**, bagi tarikh tutup permohonan PTPTN; 31 Ogos, 2025.

Pelajar perlu segera membuat tindakan berdasarkan Panduan Pengguna Pengesahan Penerimaan Tawaran Permohonan Pinjaman PTPTN Secara Dalam Talian (rujuk lampiran). Berikut adalah ringkasan dari panduan tersebut untuk rujukan pelajar:

- ✓ Pelajar hendaklah membuat pengesahan penerimaan pinjaman PTPTN melalui myPTPTN dalam tempoh **14 hari dari tarikh kelulusan** (termasuk hari cuti).
- ✓ Pelajar adalah disarankan untuk membuat pilihan **HANTAR SECARA DALAM TALIAN (online)** dengan membuat bayaran berjumlah Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima (RM25.00) Sahaja.
- ✓ Dalam tempoh **24 jam dari tarikh pembayaran dibuat** (RM25.00) itu, pelajar perlu log masuk semula ke myPTPTN untuk melakukan proses tandatangan digital.
- ✓ Setelah proses **tandatangan digital** telah berjaya, sila semak peti masuk melalui myPTPTN atau e-mel bagi pengesahan terimaan dokumen.
- ✓ Setelah dokumen lengkap ditandatangani oleh Pegawai PTPTN, pelajar boleh **mencetak perjanjian pinjaman** yang lengkap.

Pelajar boleh mula simpan dan cetak surat tawaran perjanjian pinjaman tersebut untuk simpanan peribadi. Surat tawaran hanya akan dipaparkan selama 60 hari di myPTPTN. Pelajar tidak perlu menghantar dokumen pinjaman kepada pihak Universiti. Saluran pengkreditan kewangan dari PTPTN untuk **pembayaran yuran pengajian pelajar bagi Semester Ogos 2025** melalui pihak universiti dijadualkan pada pertengahan atau akhir bulan berikutnya (15/30 hari bulan) selepas pihak PTPTN menerima pengesahan penerimaan tawaran pinjaman PTPTN dari pelajar.

Permohonan pinjaman PTPTN bagi kelompok 2 telah dibuka dari 1 hingga 30 September, 2025. Sebarang pertanyaan, sila hubungi: Pejabat UTP UNISEL Kampus Shah 03-55223478/3479. Pejabat UTP UNISEL Kampus Bestari Jaya 03-3280 5027/5026. Careline PTPTN : 03-2193 3000.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

Memo ini adalah cetakan komputer dan tandatangan tidak diperlukan

**HAL EHWAH PELAJAR (HEP)
STUDENT AFFAIRS**

Bestari Jaya Campus: Jalan timur Tambahan, 45600 Bestari Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel: +603 3280 5030 / +603 3289 8281 Fax: +603 3289 8812

Shah Alam City Campus: Jalan Zirkon A 7/A, Section 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel: +603 5522 3521 Fax: +603 5511 4596

RINGKASAN PERMOHONAN DAN PENGESAHAN KELULUSAN PINJAMAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

PERMOHONAN

1. Pemohon (pelajar) perlu mempunyai Akaun Simpanan Individu ^{12D}**Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)**. Nombor akaun simpanan BIMB individu pemohon (pelajar) wajib diisi semasa membuat permohonan pinjaman PTPTN secara dalam talian.
2. Pemohon (pelajar) perlu **muat turun aplikasi myPTPTN** di dalam peranti (telefon bimbit) diri sendiri, **daftar dan aktifkan aplikasi** tersebut (ambil gambar depan, belakang kad pengenalan dan gambar swafoto). Log masuk aplikasi myPTPTN untuk sempurnakan **pengesahan eKYC**.
3. Pemohon (pelajar) juga perlu mempunyai **akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN), PTPTN**. Nombor akaun SSPN PTPTN pemohon (pelajar) wajib diisi semasa membuat permohonan pinjaman PTPTN secara dalam talian.
*Sekiranya tiada, pemohon (pelajar) boleh membuka **akaun ^{15D}SSPN Prime PTPTN**, dengan simpanan **minimum bernilai RM20**.
4. Semak jadual permohonan dan daftar permohonan pinjaman. Mulakan permohonan pinjaman PTPTN secara dalam talian dengan membeli **6DPIN PTPTN** (berharga RM5.00) di aplikasi myPTPTN.
Carian: Masukkan Nama Program IPT "**UNIVERSITI SELANGOR**" atau "**UNIVERSITI SELANGOR KAMPUS BESTARI JAYA**".
5. **Perhatian: Tarikh mula pengajian** bagi pilihan semasa permohonan pinjaman PTPTN adalah berdasarkan tarikh pemohon (pelajar) mula mendaftar iaitu merujuk kepada semester kemasukan seperti dinyatakan dalam **Surat Tawaran Pengajian dari UNISEL**.
Pilihan tarikh mula pengajian adalah mengikut **Semester April (1/5), Semester Ogos (1/9), Semester November (1/12)** sepetimana dinyatakan dalam Surat Tawaran Pengajian dari UNISEL.
 - ✓ Surat tawaran rasmi kemasukan UNISEL yang terkini; *SURAT TAWARAN BERSYARAT TIDAK BOLEH DIGUNAKAN.
 - ✓ Lengkapkan maklumat permohonan pinjaman, muat naik dokumen Surat Tawaran Pengajian dari UNISEL, dan **hantar permohonan pinjaman melalui aplikasi web myPTPTN** menggunakan komputer desktop/riba sebelum tarikh tutup permohonan.

★Nota:

Pemohon perlu mengisikan maklumat ibu bapa sebagai penjaga sekiranya kedua-duanya atau salah seorangnya masih hidup. Pemohon (pelajar) boleh terus lengkapkan permohonan **tanpa perlu mengisi maklumat berkaitan nombor kad pelajar/matrik dan kod eksekutif PTPTN**. Pelajar semasa (senior/semester 2 dan ke atas) perlu memastikan surat tawaran adalah yang terkini seperti di dalam contoh rujukan dan panduan permohonan pinjaman PTPTN, sila berhubung dengan Pejabat Pemasaran dan Kemasukan Pelajar UNISEL sekiranya surat tawaran tidak sama seperti contoh tersebut.

PENGESAHAN KELULUSAN

6. **Semak status permohonan** melalui peti pesanan di aplikasi myPTPTN pada hari **ke-7 selepas tarikh tutup** permohonan. Sila pilih/klik "Sekiranya anda memilih untuk membuat pembelian tandatangan digital" dari emel tersebut. Seterusnya login aplikasi myPTPTN untuk proses selanjutnya.
7. Pemohon (pelajar) yang ditawarkan pinjaman pendidikan dan **pengesahan penerimaan tawaran pinjaman PTPTN** perlu membayar **RM25** (duti setem RM20 dan tandatangan digital RM5) di aplikasi myPTPTN. Peminjam perlu turunkan **tandatangan secara digital** selepas +/- 24 jam bayaran dilakukan.
8. **Penghantaran dokumen tawaran dan pinjaman perjanjian** di aplikasi myPTPTN perlu dilakukan dalam masa **14 hari dari tarikh kelulusan**.
9. Dokumen perjanjian yang telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak (peminjam dan PTPTN) serta yang telah dimeterai duti setem boleh **dimuat turun** oleh peminjam (pelajar) di aplikasi myPTPTN. Tempoh paparan dokumen tersebut terhad kepada 60 hari sahaja. **Peminjam (pelajar) tidak perlu menghantar dokumen pinjaman kepada pihak Universiti, sila simpan untuk rujukan peribadi anda**.
10. Pengkreditan kewangan pinjaman bagi pembayaran yuran pengajian dijadualkan pada **15^{hb}/30^{hb}** berikutnya. **Pelajar perlu membuat tindakan menyelesaikan baki tunggakan sekiranya masih mempunyai baki selepas pengkreditan tersebut.**



Kod Eksekutif PTPTN 000009829 atau 000009871

INFO

PERMOHONAN



INFO

PENERIMAAN



TAKWIM PINJAMAN PENDIDIKAN

Tarikh permohonan pinjaman PTPTN mengikut semester adalah seperti berikut

SEMESTER APRIL

Kelompok 1
Kelompok 2

TARIKH PERMOHONAN

1 April – 30 April
1 Mei – 31 Mei

SEMESTER OGOS

Kelompok 1
Kelompok 2

TARIKH PERMOHONAN

1 Ogos – 31 Ogos
1 September – 30 September

SEMESTER NOVEMBER

Kelompok 1
Kelompok 2

TARIKH PERMOHONAN

1 November – 30 November
1 Disember – 31 Disember

Pemohon yang telah mendapat surat tawaran pengajian di UNISEL boleh membuat permohonan pinjaman PTPTN secara dalam talian (online).



Sila imbas "QR" berikut
untuk info rmais permohonan dan
penerimaan penghantaran
pinjaman PTPTN bagi tindakan
selanjutnya

PTPTN CARELINE
03-2193 3000

Para pelajar semasa (senior) berbaik satu tahun tempoh pengajian berdasarkan surat tawaran kemasukan masih layak membuat permohonan pinjaman PTPTN. Sebarang pertanyaan, sila hubungi UTP UNISEL Kampus Shah Alam 03-55223478/3479, atau UTP UNISEL Kampus Bestari Jaya 03-32805027/5026.

Ketahui 6 Langkah Mudah Daftar eKYC myPTPTN



Proses Permohonan Pinjaman Baharu

1 PENDAFTARAN MYPTPTN
Permohonan pinjaman PTPTN dibuat melalui aplikasi myPTPTN. Pelajar perlu memuat turun aplikasi atau layari <https://myptptn.ptptn.gov.my> untuk mendaftar maklumat diri dan mengaktifkan pendaftaran melalui e-mel serta membuat pengesahan identiti eKYC di telefon bimbit masing-masing.
Nota: Sila pastikan e-mel yang digunakan adalah e-mel yang sah.

2 SEMAKAN JADUAL PERMOHONAN PINJAMAN
Pelajar perlu menyemak jadual permohonan di myPTPTN untuk mendapatkan tarikh mula dan tarikh tutup permohonan pinjaman. Setiap IPT hanya mempunyai 2 tarikh kelompok permohonan sahaja bagi setiap semester.

3 MEMOHON PINJAMAN PTPTN
Pelajar perlu membuat pendaftaran permohonan pinjaman dengan membuat bayaran RM5.00 melalui FPX dalam aplikasi myPTPTN. Seterusnya melengkapkan maklumat permohonan (butiran diri, butiran penjaga, maklumat akaun Simpan SSPN, maklumat akaun bank dan maklumat pengajian).
Nota: No pin hanya sah dalam tempoh satu (1) tahun bermula dari tarikh pembelian. Setiap nombor hanya boleh digunakan untuk satu (1) permohonan sahaja.

4 MUAT NAIK SURAT TAWARAN KEMASUKAN IPT
Pelajar perlu memuat naik Surat Tawaran Kemasukan IPT yang sah dan betul serta menghantar permohonan sebelum tarikh tutup permohonan.
Nota:
• Pelajar perlu pastikan maklumat pengajian yang diisi adalah sama seperti mana pada Surat Tawaran Kemasukan IPT. Sekiranya maklumat yang telah diisi dan surat tawaran yang dimuat naik adalah SALAH, pelajar perlu membuat permohonan semula pada kelompok kedua.
• Dokumen yang perlu dimuat naik hendaklah dalam satu file PDF dengan saiz tidak lebih 2 MB.

5 KEPUTUSAN PERMOHONAN PINJAMAN
Pelajar akan menerima keputusan permohonan pinjaman melalui peti pesanan aplikasi myPTPTN mulai hari keenam (bekerja) selepas tarikh tutup permohonan.

6 TANDATANGAN DOKUMEN PERJANJIAN
Pelajar perlu semak dokumen perjanjian dan turunkan tandatangan secara digital dalam tempoh 14 hari dari tarikh terima keputusan diterima. Pembayaran proses tandatangan dan penyetemkan setem hasil adalah sebanyak RM25.00 secara FPX dalam aplikasi myPTPTN.

7 CETAKAN DAN SIMPANAN DOKUMEN YANG TELAH LENGKAP
Dokumen perjanjian yang telah lengkap ditandatangani oleh kedua-dua pihak serta yang telah dimeterai setem hasil perlu dicetak (dalam tempoh 60 hari) atau disimpan untuk rujukan pelajar pada masa akan datang.

8 PEMBAYARAN PINJAMAN KALI PERTAMA
Pengeluaran pinjaman bagi pelajar baharu akan dibuat tidak melebihi 20 hari bekerja selepas dokumen perjanjian pinjaman disempurnakan mengikut tarikh pembayaran yang dijadualkan.

9 PEMBATALAN KELULUSAN
Kelulusan permohonan pinjaman akan terbatal sekiranya dokumen tidak ditandatangani dalam tempoh 14 hari dari tarikh kelulusan.

Contoh:

Surat Tawaran Rasmi Pengajian (sila pastikan butiran yang dimasukkan adalah sama dalam surat tawaran ini semasa permohonan)



26 APRIL 2025

www.unisel.edu.my

ASMA' URAHWA BHAIKU HEMHO PAKHO DITPRODUKSIHAWA
NO: 100 DALAM PROSESORIWAH 13/4
WANSAWAH JAYO CHIN
SEJUKE SEHABUH BAHARU
SELANGOR, MALAYSIA

Saudara/Saudari,

TAWARAN PENGAJIAN DI UNIVERSITI SELANGOR BAGI PENGAMBILAN OGOS 2025

Tahniah! Permohonan anda untuk melanjutkan pengajian di Universiti Selangor (UNISEL) telah berjaya. Butiran program yang ditawarkan adalah seperti berikut:

PROGRAM PENGAJIAN	: DIPLOMA KEURURAWATAN
MOD PENGAJIAN	: SEPENUH MASA
FAKULTI	: FAKULTI SAINS KESIHATAN
KAMPUS PENGAJIAN	: SHAH ALAM
TEMPOH PENGAJIAN	: 3 TAHUN
YURAN PENGAJIAN	: RM44,825.00 (tidak termasuk Yuran Pendaftaran, Yuran Semester, Yuran Sumber, Insurans, Yuran Asrama dan Wang Hemat Diri)

2. Maklumat pendaftaran / tarikh mula pengajian adalah seperti berikut:

TARIKH	: 28 OGOS 2025 (KHAMIS)
MASA	: 09:00 PAGE - 04:00 PETANG
TEMPAT	: Dewan Canselor, Universiti Selangor, Kampus Bestari Jaya Jalan Timur Tambahan, 45600 Bestari Jaya, Selangor
YURAN KEMASUKAN	: RM600.00 (rujuk lampiran Maklumat Yuran)

3. Untuk menerima tawaran ini, anda dimohon untuk:

- membuat bayaran Yuran Kemasukan (RM600.00) dan lengkapkan Pengesahan Penerimaan Tawaran di link <https://apply.unisel.edu.my/>?apply?form=status. Pengesahan penerimaan boleh dibuat sejurus menerima surat tawaran;
- memuat turun Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu (*New Student Registration Guidelines*) di link yang sama <https://apply.unisel.edu.my/newstudent/form=status>.

Penting : Tiada pemulangan bagi Yuran Pendaftaran & Wang Hemat Diri sekiranya calon/pelajar gagal mendapat tempat ATAU belum mendapat tempat ATAU tidak memenuhi syarat kelayakan masuk.

4. Tawaran Kemasukan ini akan terbatas serta-merta sekiranya didapati maklumat permohonan tidak benar atau maklumat yang tidak memenuhi syarat kelayakan masuk yang ditetapkan oleh pihak Universiti Selangor, Kementerian Pengajian Tinggi dan Agen Kelayakan Malaysia.

5. Pihak Universiti berhak menukar tawaran pengajian atas sebab-sab terti pada apabila sesi program akademik tidak boleh dijalankan (tertakluk kepada Polisi Pemulangan Yuran (Pelajar Tempatan)).

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

PENGARAH,
PEJABAT PEMASARAN & KEMASUKAN.

Kampus Shah Alam
• Jalan Zemra A7/8, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel • +603 5522 3400

Kampus Bestari Jaya
• Jalan Temariz Tambahan, 45600 Bestari Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Shah Alam Campus
• Jalan Zemra A7/8, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel • +603 5522 3400

Bestari Jaya Campus
• Jalan Temariz Tambahan, 45600 Bestari Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Website • www.unisel.edu.my

Leader of Transformation

Millik Penuh Kerajaan Negeri Selangor
Wholly Owned By Selangor State Government

Pilihan tarikh mula pengajian dipilih adalah mengikut **Semester April (1/5), Semester Ogos (1/9), Semester November (1/12)** seperintama di dalam Surat Tawaran Rasmi Pengajian dari UNISEL.